

Bengkel kerjaya USIM tepati keperluan graduan

Oleh Fakhurrazi Usuldin
bhvarsiti@bharian.com.my

MELANGKAH ke alam pekerjaan amat dinanti-nantikan semua mahasiswa sebaik saja menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT). Berbekalkan ilmu dan kemahiran yang ditimba ketika bergelar mahasiswa membuatkan semangat ingin memiliki kerjaya yang diidamkan membuak-buak.

Tetapi adakah mahasiswa masa kini bersedia memikul tanggungjawab menjadi pekerja yang berdedikasi sekali gus mampu melonjakkan keuntungan sesuatu organisasi?

Bagi menyediakan graduan yang mempunyai pakej lengkap sesuai dengan kehendak majikan masa kini, Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Bengkel 'Sure Hired', di Dewan Utama, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, USIM, Nilai, baru-baru ini.

Pegawai Psikologi USIM, Nurhazreen Mohd Nor, 35, berkata keperluan menggilap bakal graduan sebelum melangkah ke



Nik Abdul Hayyi



NurulAiman Nadhirah

alam pekerjaan amat penting kerana dunia pekerjaan bukan saja memerlukan pengetahuan akademik, tetapi

aspek lain juga perlu diberi perhatian seperti pakaian.

"Kebanyakan graduan kurang mengambil berat soal pakaian yang sesuai apabila menghadiri temu duga. Sebagai contoh, pakaian yang tidak bergosok, tudung yang kurang sesuai warnanya, malah ada juga yang mengambil mudah soal kebersihan.

"Bengkel ini menumpukan kepada aspek penampilan diri dan persediaan menghadiri temu duga kerana dua perkara inilah menjadi penilaian awal majikan sebelum mengambil pekerja. Sekiranya graduan gagal menonjolkan keterampilan diri melalui dua perkara itu, kemungkinan untuk mereka diambil bekerja amat rendah," katanya ketika ditemui di Bengkel 'Sure Hired' Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, baru-baru ini.

Katanya, bengkel sehari itu turut menyentuh penyediaan resume dan tatakara pemakaian yang bersesuaian ke tempat temu duga.

"Bengkel itu juga turut mengadakan sesi temu duga 'olok-olok' atau dipanggil sesi temu duga berfokus bagi memberi pendedahan



PENCERAMAH bengkel 'Sure Hired', Muhamad Khairil Fuad menyampaikan ceramah kepada pelajar tahun akhir Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, di Nilai, baru-baru ini.

awal kepada graduan situasi sebenar ketika menghadiri temu duga nanti," katanya.

Sementara itu, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) USIM, Nik Abdul Hayyi Nik Mohamed, 25, berkata sebelum mencari pekerjaan setiap pelajar harus mempersiapkan diri dengan keterampilan diri sebagai seorang mahasiswa.

"Melalui bengkel ini, kami diberi pendedahan mengenai persiapan menempuh alam pekerjaan seperti cara penyediaan resume yang sesuai dengan pekerjaan yang dipohon," katanya.

Pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) USIM, NurulAiman Nadhirah Kassim, 23, berkata bengkel ini banyak memberi maklumat berkaitan cara

pakaian yang sesuai sewaktu menghadiri temu duga.

"Sebelum ini saya tidak tahu cara pemakaian sewaktu temu duga juga diambil berat oleh penemu duga. Selepas mendengar ceramah berkaitan tatakara pemakaian yang sesuai dengan kerja yang dipohon, barulah saya berasa yakin untuk memohon pekerjaan," katanya.